

**TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N22 TANJONG BUNGA
EXCO INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk membentangkan ucapan pengguluangan ini.

Pertamanya, saya ingin meluahkan rasa syukur kerana Dewan yang mulia ini dapat bersidang dengan lancar dan sempurna dalam sesi perbahasan pagi tadi serta saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang berhormat yang telah membahaskan beberapa isu berkaitan dengan portfolio infrastruktur dan pengangkutan demi kemajuan negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

Banyak ahli Yang Berhormat telah memohon agar kerajaan negeri Pulau Pinang mengembalikan operasi feri ikonik ini bagi mengurangkan kesesakan trafik yang teruk dan Yang Berhormat Seberang Jaya juga mengatakan bahawa dia amat berharap agar kerajaan mengembalikan feri ikonik untuk mengatasi kesesakan lalu lintas.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan persekutuan dahulu menghentikan feri ikonik kita atas alasan ia memerlukan perbelanjaan kira-kira RM31 juta setahun tetapi pendapatan tahunannya telah merosot kepada RM7 juta, mengakibatkan kerugian tahunan adalah sebanyak RM24 juta. Oleh sebab kos penyelenggaraan dan pembaikan feri telah adalah separuh daripada kos perbelanjaan, feri lama memerlukan pembaikan yang lebih mahal. Tambahan pula, kos penyelenggaraan pun terlalu tinggi disebabkan model feri Pulau Pinang terlalu lama dan alat gantinya sukar untuk dicari. Oleh itu, kerajaan persekutuan sebelumnya telah memutuskan "pelan henti rugi" pada 2019 iaitu membeli catamaran yang hanya boleh membawa pejalan

kaki dan motosikal sahaja yang cukup untuk menampung keperluan penumpang dan tidak lagi membawa kereta. (Guanghua.com 7-12-2020)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai seorang anak jati dan belia Pulau Pinang, kita mendengar suara dan permintaan rakyat!

Kita perlu mempertahankan warisan dan sejarah negeri Pulau Pinang kerana feri ikonik merupakan simbol dan identiti negeri Pulau Pinang. Kerajaan tahu bahawa mengekalkan feri ikonik Pulau Pinang memerlukan modal yang besar tetapi warisan negeri kita tidak boleh kita dilupai. Dan sini saya ingin mengumunkan berita baik kepada ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan semula operasi feri ikonik ke Pulau Pinang menurut Menteri Pengangkutan tetapi usaha ini tidak boleh dijalankan dengan segera kerana ia perlu menghadapi banyak cabaran iaitu isu pengubahsuaian terminal feri (Menurut Menteri Pengangkutan, Anthony Loke-Sinar Harian 1-3- 2023).

Jika feri ikonik dikembalikan, maka pada pandangan kerajaan, memandangkan kos pembaikan feri ikonik yang begitu tinggi dan masa pembaikan juga agak lama, kerajaan memutuskan agar kita hanya menggunakan satu feri ikonik sahaja bagi meneruskan perkhidmatan. Kerajaan akan mengehadkan bilangan kereta dalam feri ikonik (2/3 sahaja) tetapi pejalan kaki dan penunggang motosikal kita tidak hadkan. Hal ini dikatakan demikian kerana feri ikonik telah lama digunakan dan kita juga berasa bimbang atas kemungkinan-kemungkinan kemalangan yang akan berlaku terhadap feri. Kerajaan pun juga akan menubuhkan satu jawatankuasa khas yang merangkumi pakar-pakar tertentu untuk membaiki feri ikonik tersebut bagi menjamin keselamatan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Meneruskan semula feri ikonik bukan bermaksud bot laju untuk penumpang tidak akan digunakan lagi tetapi ia akan dijalankan secara serentak dengan bot laju. Penumpang masih boleh menaiki bot laju untuk berhubung antara pulau dengan Seberang Perai. Hal ini mampu menggambarkan penggabungan unsur tradisional dan moden dan bukan sahaja dapat melindungi warisan Pulau Pinang tetapi juga menggunakan

teknologi yang canggih dalam pengangkutan air. Selain itu, memandangkan feri untuk motosikal dan basikal akan dihentikan sementara bermula 1 Januari tahun ini bagi memberi laluan kerja menaik taraf dermaga di terminal feri Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) di Butterworth dan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) di George Town, 200 slot parkir berbumbung bagi motosikal serta basikal secara percuma telah disediakan di Terminal Swettenham Pier Cruis dan di terminal feri Pangkalan Sultan Abdul Halim. Pengguna juga boleh menggunakan Rapid Penang yang terdapat di kedua-dua terminal feri bagi memudahkan pergerakan sebaik tiba dan menggunakan bas CAT Bridge baharu yang percuma dari Bukit Mertajam Summit melalui Bandar Perda ke bahagian Pulau negeri sebagai alternatif lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tahu bahawa usaha untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang bukan sahaja bergantung semata-mata pada feri tetapi pengangkutan awam juga memainkan peranan yang penting dalam membendung masalah tersebut. Kerajaan tahu bahawa hanya bergantung pada pembinaan dan pelebaran jalan raya sahaja masih tidak cukup membendung masalah kesesakan lalu lintas tersebut. Sistem pengangkutan awam yang sistematik dan mampan di seluruh negeri Pulau Pinang juga memainkan peranan yang penting. Untuk pengetahuan ahli yang berhormat, walaupun bas awam telah lama dalam perkhidmatan di negeri kita dan menunjukkan bilangan pengguna yang semakin meningkat saban tahun tetapi penggunaan bas tidak menunjukkan respon yang sangat agresif. Berdasarkan rekod daripada pihak Rapid Penang bagi penumpang atau ridership yang menggunakan bas awam Rapid Penang sahaja, setakat bulan September 2022 peratusan penggunaan hanya sebanyak 2.64 peratus. Peratusan penggunaan ini adalah kurang daripada 5 peratus. (nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian)

Masalahnya adalah seperti berikut:

- Masa menunggu bas awam sangat lama dan sentiasa lewat
- Perkhidmatan bas dengan laluan berfrekuensi rendah
- Kekurangan infrastruktur dan jalan raya yang sempit
- Perjalanan atau liputan bas awam yang kurang stratejik

- Kekurangan laluan perhubungan pintu ke pintu (door-to-door connectivity)
- Stesen bas yang kurang selesa dan kurang selamat serta sangat jauh dari tempat perumahannya
- Kekurangan laluan pejalan kaki dan ketidaksinambungan jajaran pejalan kaki.

Oleh hal yang demikian, kerajaan amat menekankan kriteria '3C' iaitu Kos, Kemudahan dan Keselesaan (Cost, Convenience dan Comfort) bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Pulau Pinang untuk kerap menggunakan pengangkutan awam. Di sini kerajaan negeri telah bersetuju meneruskan lagi pembiayaan Pas Mutiara My50 sebanyak RM 150,000 unit pada tahun ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM7.5 juta berbanding 120,000 pas dengan jumlah subsidi sebanyak RM6 juta pada tahun 2022. (30-12-2022) Pas ini adalah percuma dan percaya boleh menjadi pemangkin untuk menarik lebih ramai penduduk Pulau Pinang menggunakan pengangkutan awam serta pas ini juga mampu mengurangkan kos pengangkutan persendiriaannya. Walaubagaimanapun, hanya memberikan subsidi pas masih tidak cukup kerana kadar penggunaan pengangkutan awam masih tidak memuaskan.

Di sini usaha kerajaan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan ketersambungan pengangkutan awam bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Pulau Pinang menggunakan pengangkutan awam ialah :

- Meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas awam dan meningkatkan lebih kawasan perhentian bas yang dikunjungi umum seperti tempat pelancongan, sekolah, pasar dan sebagainya.
- Bekerjasama dengan operator perkhidmatan seperti Rapid Penang untuk menyediakan rangkaian bas henti-henti di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan perkhidmatan paling optimum.
- Membina dan menyelenggara kemudahan infrastruktur pengangkutan awam seperti pondok bas, papan tanda perhentian dan sebagainya. Kerajaan juga bercadang agar mengenakan lampu jalan atau lampu LED di sekitar stesen bas agar tidak kelihatan gelap dan kurang selamat terutama pada waktu malam, mengenakan papan kenyataan dan memaparkan Kod QR untuk memudahkan pengguna menyemak lokasi bas dengan telefon pintar.

- Melebarkan dan membaiki laluan pejalan kaki serta meningkatkan kesininambungan jajaran pejalan kaki bagi memberikan persekitaran yang selamat kepada pejalan kaki.
- Memperuntukkan pembiayaan subsidi bagi pelaksanaan program pengangkutan awam seperti Pas Mutiara My50, bas percuma CAT Bridge, bas percuma CAT George Town dan juga membiayai tambang feri kepada penumpang pejalan kaki warganegara Malaysia.
- Menambahkan laluan dan perhentian bas awam di taman-taman perumahan atau kawasan yang baharu dibina dan mengadakan 'test run' bagi tempoh 6 bulan untuk menilai respon penduduk kawasan tersebut serta mengkaji keperluan dan keinginan penggunaan bas awam bagi penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai seorang belia di Sidang Muda ini, saya berharap agar pengangkutan awam akan ditingkatkan seperti usaha yang saya katakan tadi bukan sahaja ditingkatkan di sesetengah tempat sahaja iaitu di Pulau tetapi perlu ditingkatkan di seluruh Pulau Pinang tak kira di bandar atau luar bandar. Matlamat kita adalah mahu rakyat kerap menggunakan pengangkutan awam secara optimum di seluruh Pulau Pinang bukan hanya di tempat-tempat tertentu sahaja.

Bagi Transit Aliran Ringan (LRT) pula, pembinaan LRT akan dilaksanakan melalui tender terbuka yang di mana kita akan melaksanakan RFP (Request for Proposal) berkonsepkan (Built, Operate and Transfer with Funding) untuk melantik syarikat yang berpengalaman, layak dan mampu untuk membina dan membiayai pelaksanaan dan pengoperasian projek ini. Proses jemputan pra kelayakan atau pun pre-qualification dengan izin telah pun berlangsung dan tamat pada 7 Oktober 2022. Kerajaan Negeri seterusnya akan menilai dan meneliti proposal-proposal daripada syarikat tersebut serta mengambil kira pengalaman, kepakaran teknikal dan juga modul pembiayaan yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat tersebut dalam pelaksanaan projek LRT. Ini adalah bagi memastikan kemampatan projek untuk jangka masa panjang supaya tidak membebankan kerajaan negeri.

Oleh itu, saya amat berharap agar Kerajaan Negeri dapat melaksanakan projek Bayan Lepas LRT dengan jayanya dan kita juga berharap agar projek ini dapat mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dari segi kewangan agar dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang kian meruncing.

Kesimpulannya, kerajaan negeri amat komited untuk memastikan pembangunan infrastruktur dan pengangkutan di Negeri Pulau Pinang dilaksanakan dengan cekap dan lestari bagi kemaslahatan bersama. Diharapkan usaha yang dibincangkan pada Sidang Muda hari ini mampu memberi pandangan dan idea yang lebih menyeluruh kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Justeru, sebagai seorang belia, kita berharap agar kita bekerjasama membangunkan Negeri yang tercinta ini ke arah mencapai visi dan misi Penang 2030.

Sekian Terima Kasih

Neoh Jia Yuan
N22 Tanjung Bunga
Sidang Muda 2022/23

